

DBKL terima obor Sukan Sea

BH - 7 SEP 2001

KUALA LUMPUR, Khamis - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), hari ini menerima obor Sukan Sea XXI sebelum membawanya ke Padang Merbok, esok untuk diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Sabtu ini.

Obor yang dibawa dari Plaza Sungai Wang tiba di Ibu Pejabat DBKL kira-kira jam 4.15 petang diiringi kira-kira 1,500 penduduk Bukit

Bintang termasuk agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Obor itu diserahkan oleh bekas Ahli Parlimen Bukit Bintang, Dr Lee Chong Meng, kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Kamaruzzaman Sharif, dalam acara sambutan yang meriah.

Kamaruzzaman ketika ditemui berkata, beliau berharap warga kota akan beramai-ramai menyertai

larian perdana mengiringi obor itu esok sebagai tanda sokongan dan memeriahkan acara sambutan Sukan Sea.

Ini, katanya, kerana acara seumpama itu adalah julung kali diadakan sementara Malaysia berpeluang menjadi tuan rumah kepada acara berprestij itu. Malah, peluang itu dijangka hanya muncul lagi kira-kira 19 tahun akan datang.